



16 Ogos 2016

Dekan, Fakulti Alam Bina
Dekan, Fakulti Sains
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
Dekan, Fakulti Pergigian
Dekan, Fakulti Pendidikan
Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Dekan, Fakulti Bahasa dan Linguistik
Dekan, Fakulti Undang-undang
Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
Dekan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Pengarah, Akademi Pengajian Melayu
Pengarah, Akademi Pengajian Islam
Pengarah, Pusat Sukan
Pengarah, Pusat Kebudayaan
Pengarah, Pusat Dialog Peradaban
Pengarah, Pusat Penyambungan Pendidikan (UMCCed)
Pengarah, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)
Pengarah, Pusat Asasi Sains
Pengarah, Institut Pengajian Pasca Siswazah
Pengarah, Institut Asia-Eropah
Pengarah, Institut Polisi Awam dan Pengurusan Antarabangsa (INPUMA)

☐ Untuk tindakan: _____

☒ Edaran

☐ Fail


PROFESOR DR. ABDULLAH GANI
Dekan
Fakulti Sains Komputer & Teknologi
Maklumat

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

KEMPEN 'JEANS FOR GENES MALAYSIA 2016' DI UNIVERSITI MALAYA

Kempen 'Jeans for Genes Malaysia 2016' yang dianjurkan oleh Fakulti Perubatan dan Unit Perubatan Genetik, Pusat Perubatan Universiti Malaya, dengan sokongan Pejabat Naib Canselor, adalah kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit genetik, terutamanya yang melibatkan kanak-kanak. Dijangka seramai 20,000 bayi dilahirkan dengan penyakit genetik setiap tahun di Malaysia, dan kebanyakan kanak-kanak ini memerlukan rawatan perubatan sepanjang hayat.

Projek *Jeans for Genes Malaysia* telah berlangsung dengan jayanya di Fakulti Perubatan selama lima tahun dan menyediakan suatu forum untuk orang ramai mempelajari tentang penyakit genetik dengan lebih mendalam, di samping mengambil bahagian di dalam pelbagai aktiviti yang menarik. Melalui aktiviti yang dirancang, orang ramai juga lebih prihatin akan penjagaan dan rawatan yang ada.

Pada tahun ini, sempena perayaan ke-111 tahun Universiti Malaya, *Jeans for Genes Malaysia* akan menganjurkan acara menarik pada hari Ahad, 25 September 2016 di Dataran Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, berserta orang ramai dan keluarga pesakit penyakit genetik. Pihak penganjur menjangka kehadiran lebih-kurang 500 orang ke acara ini, di mana matlamat penganjur ialah untuk menghasilkan sebuah formasi heliks DNA yang terpanjang di dunia dengan menggunakan seluar jeans.

Dengan ini, kehadiran pihak tuan/puan dan seisi keluarga amatlah dialu-alukan pada 25 September 2016 untuk memeriahkan lagi majlis. Tuan/puan turut dipelawa untuk menderma sepasang seluar jeans (yang baru atau terpakai) untuk disertakan di dalam pembentukan formasi heliks DNA yang terpanjang di dunia.

Besarliah harapan saya agar pihak tuan/puan dapat memberi sokongan untuk menjayakan acara ini, dan membantu usaha Jeans for Genes Malaysia untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit genetik dan juga menjayakan kutipan derma untuk membantu keluarga-keluarga yang terlibat.

Sebarang pertanyaan bolehlah ditujukan kepada Dr. Suzita Mohd Noor, 03 - 7967 4901; Dr. Azlina Ahmad Annuar, 03 - 7967 4948 / 019 - 2662249; atau diajukan ke alamat emel jeans4genesmalaysia@um.edu.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman
Dekan
Fakulti Perubatan